

12 MAR 1998

Vietnam-Lawatan

PRESIDEN VIETNAM LAWAT MALAYSIA PADA ISNIN

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Presiden Vietnam Tran Duc Luong akan melakukan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia pada Isnin bertujuan mempertingkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara Asia Tenggara itu.

Lawatan ini, yang pertama oleh seorang Ketua Negara Vietnam ke Malaysia ialah sebagai membalas lawatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar ke Vietnam pada 1995, menurut kenyataan Wisma Putra di sini.

Ini merupakan lawatan Presiden Vietnam yang pertama ke luar negara sejak menyandang jawatan itu pada September.

Duc Luong akan diiringi oleh delegasi 35 anggota mengandungi beberapa menteri, timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Beliau akan diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen sejurus selepas tiba dan akan diraikan pada majlis jamuan negara di Istana Negara oleh Tuanku Ja'afar, menurut kenyataan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengunjungi pemimpin Vietnam itu pada hari pertama lawatan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa demi kepentingan bersama.

"Keadaan kewangan dan ekonomi di rantau ini juga dijangka disentuh pada perbincangan itu," tambah kenyataan itu.

Duc Luong juga dijadual berucap pada ahli-ahli perniagaan terkemuka Malaysia pada satu majlis anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan.

Aturcara lawatannya termasuk melawat ke Menara Kembar Petronas, Ladang dan Kilang Penapis di Sepang, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong dan Kompleks Karyaneka di sini.

-- BERNAMA

RV FAZ